

KV/GHT/MPA/A/DR1
No: 29920
87516921

WARTA UNIVERSITI



KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

Jld. 1

30 JULAI 2005

Pengisytiharan Pelantikan Canselor & Majlis Konvokesyen Pertama

Sesi 1 & 2 Sabtu 30 Julai 2005

Pengisytiharan Pelantikan Canselor & Majlis Konvokesyen bagi menganugerahkan ijazah dan diploma telah diadakan pada Sesi I dan II pada hari Sabtu jam 8.00 pagi dan 2.00 petang bertempat di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka.

Canselor Universiti

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob
S.M.N, P.S.M, D.U.N.M, S.J.M.K, S.S.A.P, S.I.M.P, S.P.D.K, D.S.A.P, J.S.M,
S.M.P, G.C.O.M - GRAND CROSS OF THE ORDER OF MERIT (FEDERAL
REPUBLIC OF GERMANY) - G.E.R

telah mempengerusikan sesi I dan II Majlis Konvokesyen Pertama.
Ijazah-ijazah yang telah dianugerahkan adalah Ijazah Doktor Kehormat, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

LG
173
.M44
.W37
2005
a
v1

ISSN 1985-0336



9 771985 033000

UCAPAN TYT TUN CANSOLOR

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB
S.M.N, P.S.M, D.U.N.M, S.J.M.K, S.S.A.P, S.I.M.P, S.P.D.K, D.S.A.P, J.S.M,
S.M.P, G.C.O.M – GRAND CROSS OF THE ORDER OF MERIT
(FEDERAL REPUBLIC OF GERMAN) – G.E.R**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Salam Sejahtera

YAB Datuk Seri (Dr.) Mohd Ali Bin Rustam,
Ketua Menteri Melaka dan Datin Seri Datuk
Wira Hajah Asmah Bte Abdul Rahman.

Y.B Dato' Dr. Haji Shafie Bin Hj Mohd Salleh,
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan
Datin,

Yang Berbahagia,
Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Mohd Salleh Bin
Sulong,
Pengerusi Lembaga Pengarah,
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan
Malaysia dan Yang Berbahagia Puan Sri,

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Ahli-ahli Yang Berhormat,
Ahli-ahli Lembaga Pengarah,
Pegawai-pegawai Kanan Universiti,
Dif-dif Terhormat,
Para Graduan dan Hadirin Sekalian.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah
S.W.T kerana dengan izin dan kurniaNya
dapat kita berkumpul dalam majlis yang
penuh-istiadat lagi bersejarah ini. Saya
bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana
diberi peluang untuk berada di majlis yang
gilang gemilang ini. Bersama lah kita
berdoa agar kita berada di bawah
lembayung peliharaan dan
perlindunganNya.

Saya menjunjung kasih kepada Seri Paduka
Baginda Yang Dipertuan Agung dan
penghargaan kepada YAB Perdana Menteri
serta Kerajaan Malaysia yang telah
menaruh kepercayaan untuk saya menjadi
Canselor universiti teknikal ini.

Lantikan sebagai Canselor ini merupakan
satu amanah yang perlu dipikul bagi
memastikan KUTKM terus maju dan
berjaya.

Insya-Allah, KUTKM yang berada di Melaka
ini akan menyumbang kepada
kecemerlangan pendidikan di negeri ini.
Kehadiran YB Menteri Pengajian Tinggi
Malaysia akan dapat memastikan agar
pembangunan dan kemajuan KUTKM dapat
disegerakan. Sebelum melangkah lebih
jauh, saya ingin memberi penghargaan
yang tinggi kepada mantan Canselor
KUTKM yang pertama, Tun Datuk Seri
Utama Syed Ahmad Al-Haj Bin Syed
Mahmud Shahabudin yang telah memberi
sumbangan dan menjadi inspirasi kepada
KUTKM. Saya percaya beliau telah banyak
memberi *Personel Attention* kepada
kemajuan pembangunan KUTKM.

Hadirin yang Dihormati Sekalian,

Selaku Canselor, saya menyeru supaya
KUTKM hendaklah berusaha untuk
meneruskan kualiti pendidikan dan
komitmennya bagi memenuhi keperluan
negara dan rakyat yang sedang menuju ke
arah Wawasan 2020. Untuk mencapai
hasrat tersebut, pihak universiti mesti
menggalakkan lebih banyak lagi usaha-
usaha dalam bidang penyelidikan dan
pembangunan (R & D). Saya berharap
supaya pihak KUTKM dapat menjalin
kerjasama yang lebih erat dengan sektor
industri dalam memanfaatkan hasil-hasil
penyelidikan universiti ini. Dengan itu, saya
yakin KUTKM akan terus relevan dengan
keperluan semasa dan kerajaan negeri
Melaka akan berbangga dengan wujudnya
KUTKM di bumi Melaka ini.

Hadirin yang Dihormati Sekalian,

Pada hari ini, pusat-pusat pengajian tinggi tidak lagi menjadi menara gading yang bergerak dalam dunianya sendiri. Apa yang penting ialah KUTKM perlu terus bergerak maju dan berupaya menghasilkan graduan-graduan yang senang diterima oleh sektor perkhidmatan awam, industri dan komersial.

Kepada para graduan sulung KUTKM ini, saya menyeru supaya saudara-saudari dapat membuktikan kepada semua pihak bahawa saudara-saudari adalah yang terbaik yang dikeluarkan oleh universiti-universiti di negara ini. Kita hendaklah memahami falsafah KUTKM iaitu *we must not plan to fail and fail to plan*. Oleh itu, setiap graduan mesti mempunyai visi dalam mengurus kerjaya masing-masing dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa.

Hadirin yang Dihormati Sekalian,

Saya sangat berbangga seperti yang dinyatakan oleh Y. Bhg. Rektor KUTKM dalam ucapannya bahawa dalam masa 5 tahun penubuhannya, KUTKM telah mencapai beberapa kejayaan. Ini membuktikan KUTKM adalah sebuah universiti *par-excellence*. Saya menyeru supaya KUTKM meneruskan usaha untuk mencapai kejayaan di masa akan datang. *We are all part of the institution*. Kejayaan kita adalah kejayaan buat semua, Melaka dan Malaysia.

Kepada para graduan, saya mengharapkan bahawa kebolehan dan pencapaian saudara-saudari dalam kerjaya yang diceburi akan benar-benar memperkenalkan KUTKM sebagai sebuah institusi terbilang. Di samping itu juga saudara-saudari membawa imej universiti di mata masyarakat dan justeru itu ikutilah **“resmi padi, semakin tunduk semakin berisi”**.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada dua tokoh

penerima ijazah kehormat universiti pada pagi ini.

Akhir kata, sebagai Canselor saya akan memberikan segala tenaga untuk menjadikan KUTKM sebagai sebuah universiti teknikal yang inovatif dan kreatif, bertaraf dunia dan terbilang. Insya-Allah.

Selamat maju jaya kepada Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia dan graduannya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية والسلام
عليكم ورحمة الله وبركاته

LG173.M44 .W37 2005 v1



87516921

اوبنورسي تيكني
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UCAPAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI DATO' DR HAJI SHAFIE BIN HAJI MOHD SALLEH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Salam Sejahtera

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob, Canselor Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua kita dapat bersama-sama di majlis yang cukup penting dan bermakna bagi Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak kerajaan Malaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama sebagai Canselor KUTKM pada Pengisytiharan Pelantikan Canselor dan Majlis Konvokesyen Pertama KUTKM ini.

Sebagai sebuah universiti yang baru ditubuhkan sekitar lima tahun yang lalu, KUTKM sudah semestinya memerlukan segala sokongan, bantuan dan bimbingan dalam merancang dan melaksanakan pelan tindakannya.

Pelantikan Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Canselor pada hari ini, adalah amat bertepatan pada waktunya, bagi memastikan segala perancangan dibuat dengan mengambil kepentingan dan masa depan negara, terutama dalam hasrat melahirkan graduan berkualiti dan seimbang.

Sesungguhnya saya penuh yakin dan percaya bahawa dengan pengalaman luas serta kewibawaan yang ada pada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Canselor, KUTKM akan berupaya untuk mengorak langkah ke arah menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang cemerlang, tidak hanya di Malaysia bahkan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Canselor, izinkan saya untuk memberi sepatah dua kata kepada para hadirin amnya dan kepada warga KUTKM khususnya yang turut hadir pada pagi ini.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka,

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Mohd Saleh Bin Sulong, Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia,

Yang Berbahagia Datuk Profesor Dr. Mohd Ruddin Bin Abd. Ghani, Setiausaha Parlimen, Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi,

Yang Berbahagia Datuk Profesor Ismail Bin Hassan, Rektor Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ahli-Ahli Senat dan Pegawai Kanan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia,

Penerima-penerima Ijazah Kehormat,

Naib Canselor dan Rektor Universiti dan Kolej Universiti,

Dif-dif Kehormat,

Para Graduan,

Serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

Pada pagi yang bersejarah ini, kita bersama-sama menyaksikan satu upacara yang membuka satu lembaran baru dalam catatan sejarah KUTKM. Kita menyaksikan Perisytiharan Pelantikan Canselor KUTKM

dan juga Majlis Konvokesyen Pertama KUTKM.

Serentak dengan itu juga, maka secara rasminya KUTKM kini mempunyai Canselornya sendiri untuk terus memacunya ke arah kejayaan dan kegemilangan. KUTKM sebagai IPTA ke-14 yang ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 2000 yang lalu mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat besar dalam mewarnai persada pengajian tinggi negara.

Ini kerana kewujudan KUTKM dan IPTA-IPTA yang lain adalah untuk menyokong usaha memantapkan sistem pengajian negara secara menyeluruh di mana kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi memberikan perhatian yang serius terhadap pembangunan pengajian tinggi di negara ini.

Selaras dengan permintaan sumber tenaga dalam bidang teknikal bagi menyokong keperluan industri terutamanya bagi pembangunan negara, kerajaan telah merumuskan agar pembangunan yang lebih serius diberikan kepada usaha membangunkan Institusi Pengajian Tinggi yang boleh membuka peluang yang lebih luas kepada pembangunan sumber manusia dalam bidang sains dan teknologi.

Ini adalah sejajar dengan hasrat dan wawasan kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan menjadikan sains dan teknologi sebagai teras utama pembangunan.

Usaha ini akan dijalankan secara berterusan di mana sehingga kini kerajaan telah menubuhkan sebanyak 17 IPTA di seluruh negara, bagi menampung permintaan yang begitu tinggi terhadap keperluan pengajian tinggi.

Sidang Hadirin yang Saya Hormati,

Penubuhan KUTKM cukup unik dan berbeza daripada IPTA sedia ada, dari segi pendekatan pembelajaran, penglibatan industri dan pengambilan pelajar, kaedah

pengajaran dan pembelajaran di KUTKM, menekankan kepada pengetahuan teori guna, kemahiran dan amalan, bagi menghasilkan jurutera yang berkebolehan dalam mereka bentuk, membuat peralatan, menguji dan menyelenggara serta merealisasikan konsep teori.

Oleh itu, graduan dari KUTKM diharap akan menjadi pelengkap kepada pengeluaran IPTA yang sedia ada, di mana kursus kejuruteraan yang sedia ada, lebih menekankan kepada pengetahuan bersifat fakta, teori umum dan pelbagai (broad based) dan ini menghasilkan jurutera sains yang berasaskan teori akademik dan penyelidikan.

Pendekatan pembelajaran KUTKM yang berteraskan amalan dan aplikasi, seharusnya berupaya membentuk jurutera mahir melalui konsep pembelajaran integrasi teori dan amalan. Pendekatan ini, perlu berasaskan penyelesaian masalah semasa di industri melalui pengalaman dan pembelajaran secara amali dan pembelajaran secara aktif.

Penglibatan dan kerjasama industri menjadi satu strategi yang penting dalam membangunkan KUTKM agar graduan yang dikeluarkan nanti menepati keperluan industri dan negara. Perkongsian pintar universiti-industri amat diperlukan dalam pembangunan kursus dan kurikulum, dengan adanya staf dan pelajar kepada industri, dengan adanya staf dari industri ke universiti, sumbangan kepakaran dan peralatan serta juga tempat latihan.

Dengan adanya penglibatan dan kerjasama industri yang berstrategi ini, diharapkan KUTKM akan menjadi pusat rujukan kecemerlangan perindustrian dengan menyediakan latihan lanjutan secara berterusan kepada pekerja industri juga.

Pada masa kini, peluang pelajar aliran teknik dan vokasional bagi meneruskan pembelajaran mereka, adalah terhad di peringkat sijil dan diploma sahaja. Kewujudan KUTKM dan beberapa Kolej

Universiti Teknikal yang lain akan memberi peluang yang luas kepada mereka untuk ke peringkat ijazah dalam modul pembelajaran yang berteraskan teknikal dan berkemahiran.

Oleh itu, selain membuka peluang kepada pelajar lulusan STPM/Matrikulasi dan setaraf, KUTKM juga perlu membuka peluang kepada mereka dari lulusan sijil dan diploma serta kepada pekerja yang berpengalaman dan mempunyai sijil kemahiran.

Di sini, saya ingin menyeru agar KUTKM menyediakan kursus-kursus teknikal yang lebih fokus di peringkat diploma dan sarjana muda. Tidak lupa juga, KUTKM seharusnya bekerjasama dengan pihak industri bagi menghasilkan penyelidikan yang lebih praktikal supaya dapat mengembangkan lagi industri-industri tempatan.

Kerajaan Malaysia akan sentiasa membantu KUTKM dalam usaha mencapai objektifnya. Tidak pernah ada diskriminasi atau tanggapan yang meletakkan KUTKM atau Kolej-kolej Universiti yang lain sebagai universiti kelas kedua kerana kesemuanya mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama dalam membangunkan negara. Saya ingin menegaskan agar pihak KUTKM dan juga Pusat Pengajian Tinggi yang lain supaya menitikberatkan pembangunan sahsiah pelajar. Negara tidak akan maju jika rakyatnya hanya pandai bekerja dan mencari kekayaan sahaja, tanpa mempunyai sahsiah diri yang murni.

Tanpa sahsiah yang murni dan rasa tanggungjawab pada negara, Malaysia tidak akan dapat mengekalkan keamanan dan kejayaan yang kita kecapai ini. Malaysia maju kerana kita hidup dalam keadaan harmoni, rakyatnya daripada berbilang bangsa dan hidup dengan mempunyai sikap toleransi yang tinggi dan terpuji.

Kita bersyukur kerana berada di bawah pemerintahan sebuah kerajaan yang merdeka dan berdaulat dan keprihatinan

YAB Perdana Menteri kita. Seharusnya kita bertanggungjawab bagi memastikan generasi akan datang mempunyai sahsiah yang murni supaya dapat meneruskan perjuangan kita ke arah mencapai wawasan negara. Tanamkanlah perasaan patriotik di kalangan pelajar kita.

Saya amat berbangga dengan pencapaian KUTKM dalam masa yang singkat ini. KUTKM telah menawarkan 20 kursus di peringkat sarjana muda dan 5 kursus di peringkat diploma. KUTKM juga telah menjalankan program sarjana melalui penyelidikan dan telahpun menghasilkan graduan sulungnya pada pagi yang bersejarah ini.

Saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada warga KUTKM kerana telah menunjukkan komitmen dan dedikasi bagi mencapai kejayaan setakat ini. Saya berharap, KUTKM akan terus melangkah ke hadapan menjadi sebuah universiti contoh dan kebanggaan rakyat.

Kepada para graduan, syabas saya ucapkan atas kejayaan saudara-saudari semua. Janganlah sekali-kali melupakan segala pengorbanan ibu bapa, keluarga serta para pensyarah yang telah bersungguh-sungguh berusaha untuk melihat kejayaan saudara-saudari. Jadilah graduan yang akan memberikan sumbangan besar kepada kemakmuran serta kesejahteraan negara selain menjadi personaliti-personaliti unggul kebanggaan negara.

Akhir sekali, saya sentiasa berdoa agar KUTKM akan mencapai kecemerlangan dan kejayaan yang diharapkan dan saya berharap agar semua pihak terutama sekali kerajaan negeri dan industri tempatan memberi sokongan dan kerjasama agar KUTKM menjadi kebanggaan kita bersama.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية والسلام
عليكم ورحمة الله وبركاته

UCAPAN REKTOR Y.BHG. DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Salam Sejahtera

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob, Canselor, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Datin Seri Utama Zurina Binti Kassim.

Segala puji bagi Allah yang telah mengurniakan kudrat dan iradatNya untuk membolehkan kita sama-sama berhimpun di dalam dewan yang serba indah ini bagi menyempurnakan dan menyaksikan satu majlis yang amat penting dan penuh makna khususnya kepada Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia atau KUTKM.

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama, izinkan saya merakamkan setinggi tahniah di atas pelantikan Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama sebagai Canselor Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

Warga KUTKM amat bersyukur, gembira dan berasa penuh bangga dengan pelantikan Tun Datuk Seri Utama sebagai Canselor KUTKM yang Kedua. Dengan pelantikan ini, KUTKM mempunyai seorang pemimpin yang berpengetahuan tinggi, luas pengalaman dan penuh wibawa, mampu memberi lonjakan dan suntikan semangat terhadap pembangunan universiti seterusnya.

Kami warga KUTKM berdoa semoga Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama akan terus dikurniakan dengan kesihatan yang afiat supaya dapat terus memimpin dan memacu KUTKM ke arah kecemerlangan. Saya sungguh yakin bahawa di bawah naungan Tun Datuk Seri Utama, KUTKM akan mencapai kemajuan pesat menuju ke arah menjadi sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

Langkah panglima berisi ajian, Jurusan pusaka menjadi amalan, Luhur Canselor terima lantikan, Mohon Canselor memacu kegemilangan.

Seterusnya saya memohon izin daripada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hajah Asmah Binti Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie Bin Haji Mohd Salleh, Menteri Pengajian Tinggi, dan Yang Berbahagia Profesor Datin Dr. Mizan Adiliah Binti Ahmad Ibrahim.

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Mohd Saleh Bin Sulong, Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, dan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Seri Akmal Binti Abdul Salam.

Yang Berhormat Datuk Profesor Dr. Mohd Ruddin Bin Abd. Ghani, Setiausaha Parlimen, Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi dan Datin Maimunah Binti Ibrahim.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah,
Pegawai-pegawai Kanan Universiti,
Ahli-ahli Senat,

Naib Canselor dan Rektor atau wakil dari Universiti – universiti Tempatan,

Penerima Ijazah Kehormat, dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Hari ini adalah hari yang amat bersejarah bagi KUTKM kerana pada hari ini telah disempurnakan Pengisytiharan Pelantikan Tuan Yang Terutama Negeri Melaka Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob

sebagai Canselor. Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil merupakan Canselor Kedua bagi universiti ini selepas Canselor Pertama tamat tempoh pelantikan.

Pada hari ini juga dilangsungkan Majlis Konvokesyen Pertama KUTKM, meraikan kejayaan graduan kumpulan perintis yang dianugerahkan ijazah dan diploma. Universiti juga mencipta sejarah, walau pun dalam usia yang begitu muda, dengan kelahiran graduan sulung yang menerima ijazah sarjana.

Pada Konvokesyen Pertama ini juga, KUTKM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada dua (2) tokoh terkemuka iaitu Yang Berbahagia Datuk Ir. Mohd. Annas B. Hj. Mohd. Nor, Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Malaysia dan Profesor Dr. Ing. Eckart Uhlmann, Profesor dalam Bidang Peralatan Mesin Dan Teknologi Pembuatan, Universiti Teknikal Berlin. Pihak universiti berharap dengan penganugerahan ini, kedua-dua mereka akan meneruskan usaha gigih menyumbang pengetahuan, kepakaran, kemahiran dan pengalaman kepada kerja dan bidang keilmuan masing-masing, di samping membantu universiti ini mencapai kecemerlangan yang dihasratkan.

KUTKM merupakan salah satu daripada empat buah Kolej Universiti Teknikal yang ditubuhkan kerajaan dengan objektif utama melahirkan ahli profesional yang berkemahiran tinggi, khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Mereka dilihat dapat melengkapkan sumber tenaga profesional yang diperlukan negara untuk membantu usaha ke arah mencapai status negara maju berasaskan perindustrian menjelang 2020.

Untuk mencapai objektif penubuhannya KUTKM mengguna pakai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan. Kaedah begini didapati berkesan dalam mengukuhkan proses penyampaian ilmu dan pembinaan kemahiran.

KUTKM menggunakan strategi menjalin perkongsian pintar dengan industri untuk mendapat sokongan yang diperlukan bagi memastikan kejayaan konsep pendidikan yang ditetapkan. Kandungan kurikulum dibangunkan dengan input daripada industri supaya program akademik yang ditawarkan relevan dengan keperluan semasa.

Program Latihan Industri dilaksanakan dengan sistematik dan tersusun, dan projek dilaksanakan dengan objektif menyelesaikan masalah atau memenuhi keperluan industri. Staf akademik diberi kemudahan mendapat pengalaman bekerja di industri. Universiti juga, dalam masa terdekat, akan merealisasikan konsep kilang pengajaran yang memberi kemudahan latihan kepada pelajar dan juga staf dalam suasana industri yang sebenar.

Penglibatan industri yang berterusan dipastikan supaya pengalaman dan pengamalan terkini dapat diterapkan. Untuk tujuan demikian, universiti telah menandatangani memorandum persefahaman (M.O.U) dengan beberapa syarikat dalam negara, antaranya DRB-HICOM, Cubic Electronics, Composites Technology Research Malaysia, MRJ Technologies, dan Robotics. Universiti juga menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa syarikat luar negara di Singapura, Jepun, Jerman, dan United Kingdom.

Ini merupakan agenda utama universiti untuk melahirkan graduan yang mempunyai nilai tambah istimewa dan menjadi pilihan industri dalam persaingan untuk mendapatkan pekerjaan.

KUTKM telah mengorak langkah jauh ke hadapan sejak ditubuhkan pada 1 Disember 2000. Pada masa kini, universiti mempunyai 5 buah fakulti, 4 buah pusat kecemerlangan dan sebuah institut, menawarkan dan memberi sokongan kepada 5 program diploma, 20 program sarjana muda dan tidak ketinggalan program penyelidikan peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Dengan kemasukan pelajar baru pada tahun ini, KUTKM mempunyai seramai 4972 pelajar yang terdiri daripada 786 pelajar diploma dan 4186 pelajar sarjana muda. Di samping itu, seramai 31 orang sedang mengikuti program sarjana dan 7 orang lagi mengikuti program doktor falsafah. Mengikut unjuran yang dibuat, enrolmen pelajar KUTKM akan mencapai 10,000 orang menjelang 2010.

Bilangan staf pula telah menjangkau 1018 orang terdiri daripada 419 staf akademik dan 599 staf sokongan.

Pembinaan Kampus Induk KUTKM yang meliputi kawasan seluas 728 ekar di Durian Tunggal bermula pada tahun 2002 dan kini siap infrastruktur dan 2 bangunan fakulti. Berikutan itu, dua fakulti telah berpindah ke kampus induk dan mula beroperasi di sana, iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Bagaimanapun, sebahagian besar universiti masih lagi berada di kampus sementara di Ayer Keroh, Melaka. KUTKM juga telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk memiliki Kampus Bandar iaitu Kompleks Bangunan bekas Wisma Negeri di Jalan Hang Tuah, Melaka.

KUTKM melaksanakan usaha berterusan meningkatkan kualiti terutama bagi program akademik yang ditawarkan. Sehubungan itu, pada 4 Februari 2005, universiti telah dianugerahkan Sijil Kualiti MS ISO 9001:2000 meliputi skop pengajaran dan pembelajaran.

Semua program diploma telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer juga telah mendapat pengiktirafan JPA.

Bagi program sarjana muda kejuruteraan yang berkenaan, kita hanya menunggu keputusan rasmi penilaian yang telah dibuat oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC).

Berdasarkan maklumat yang kita peroleh, program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Industri telah diberikan pengiktirafan penuh 5 tahun oleh Majlis Akreditasi tersebut.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, hasil penyelidikan banyak menentukan tahap kecemerlangan sesebuah universiti. Dengan itu, KUTKM memberi penekanan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Pada tahun 2003, peruntukan RM500,000 oleh Kementerian Pendidikan telah digunakan untuk melaksanakan 16 projek jangka pendek. Pada tahun berikutnya, universiti menerima dari sumber yang sama peruntukan tambahan RM750,000 yang diagihkan kepada 46 projek. Pada tahun 2005, universiti sendiri telah mengagihkan RM 1.3 juta untuk 82 projek. Pada tahun ini juga penyelidik universiti telah berjaya mendapat geran penyelidikan IRPA sebanyak RM748,000 untuk 2 projek.

Salah satu kejayaan yang menjadi kebanggaan universiti ialah penghasilan robot maya yang dinamakan 'AINI' ataupun '*Artificial Intelligent Neural-Network Identify*' yang mendapat tempat pertama dalam '*Microsoft Asia.Net Competition*' dan telah dicatatkan dalam '*The Malaysia Book Of Records*' sebagai program interaktif robot pertama di Malaysia.

Kejayaan lain termasuklah memenangi pingat emas dan pingat perak dalam '*Invention And Design Competition*' sempena '*16th International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition Malaysia (ITEX '05)*'.

KUTKM akan terus meningkatkan usaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang yang dipilih sebagai fokus atau "*Niche Area*" iaitu pembuatan termaju. Ini bermakna universiti menyediakan pelbagai kemudahan dan peralatan serta memberi sokongan kepada program akademik, penyelidikan, perundingan, pembangunan

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
FACULTY OF INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (RANGKAIAN KOMPUTER)
DENGAN KEPUJIAN
BACHELOR OF COMPUTER SCIENCE (COMPUTER NETWORKING)
WITH HONOURS

- | | |
|--------------------------------------|---|
| 1 CHEAH CHOON WAH | 12 MOHD SYAHRIL BIN HUSSIN |
| 2 CHONG CHEE LOONG | 13 MOHD ZUL SHAFIK BIN JASMIN |
| 3 HARITH ADAM BIN SHAIK MOHD SHERIFF | 14 MUHAMAD HAWARI BIN KAMARUL ZAMAN |
| 4 HOH SONG EN | 15 MUHAMMAD SYAIFUL RIZABIN MUHAMAD RAZ |
| 5 ISMAHANI BINTI ISA | 16 NORAISAH BINTI KAMARUDIN |
| 6 LEE YEW LOON | 17 POOVANESAN A/L MUNANDY @ MUNIANDY |
| 7 LEW WOOL SIU | 18 RAIHAN BIN ISHAK |
| 8 LYE SHI TYNG | 19 SALASIAH BINTI ABAS |
| 9 MOHD AZAHA BIN ABDUL GHANI | 20 TAN HAK MENG |
| 10 MOHD NURUL FAKHRI BIN HASHIM | 21 YAP CHEE SUNG |
| 11 MOHD RASHIDI BIN ZAKARIA | |

IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (MEDIA INTERAKTIF)
DENGAN KEPUJIAN
BACHELOR OF COMPUTER SCIENCE (INTERACTIVE MEDIA)
WITH HONOURS

- | | |
|----------------------------------|--|
| 1 AFNAN BIN MD MAHYIDDEEN | 10 MASRIZAL HARDY BIN MASTOR |
| 2 AINI FADZILAH BINTI JALALUDDIN | 11 NG GIM HEE |
| 3 AYU HASLELA BINTI ABU BAKAR | 12 NOORAZAM SHAH BIN SENIN |
| 4 AZNUR ANUAR BIN AB AZID | 13 NOR NAZIRAWATI @ NUR IZZATI BINTI ANANG |
| 5 BOON KIM SAN | 14 ROZIA SYAZIRA BINTI RAMLI |
| 6 KHAIRULASHRAF BIN MUHAMAD | 15 SURIANI BINTI MOHD BEDU |
| 7 KHUZAIZEE BIN MOHD ZAINUDDIN | 16 SUWARNI BINTI TERMUJI |
| 8 MOHAMAD FARID BIN MOKHTAR | 17 SYAM HUZAIRIE BIN MD YUSOH |
| 9 MOHD NORIZAL BIN NAWANG | |

IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN PERISIAN)
DENGAN KEPUJIAN
BACHELOR OF COMPUTER SCIENCE (SOFTWARE DEVELOPMENT)
WITH HONOURS

- | | |
|----------------------------|-------------------------|
| 1 AHMAD JEFRI B ABDULAZIZ | 6 BEH BEE PING |
| 2 ANNE TAN | 7 BRENDA LIEW HUEY YANN |
| 3 ALFAIRUZ BIN ABDUL LATIF | 8 CHAN HOCK KEE |
| 4 ANG CHING SIONG | 9 CHENG FEE YEE |
| 5 AZRAN BIN ABDUL LATIF | 10 CHEONG CHOW SIN |

- | | |
|--------------------------------|-------------------------------------|
| 11 CHIN VOON PIN | 51 MOHD FAIRUZANWAR BIN MAHADI |
| 12 CHONG SOO LIM | 52 MOHD FAZALI BIN MOHAMAD YATIM |
| 13 CHONG YU HAO @ ZHANG YU HAO | 53 MOHD YUSOF BIN ZINALDIN |
| 14 CHOONG ZIN JYE | 54 NG WOUI JI |
| 15 GAN CHUN HOU | 55 NG YEAN LAM |
| 16 GOH SET ZEN | 56 NG YEE LING |
| 17 HAFSAH BINTI DAUD @ YUSOF | 57 NGO HEA CHOON |
| 18 HAJARIAH BINTI JAMHARI | 58 NOOR IZUAN BIN MAT YAMAN |
| 19 HONEY CHUA EE SIN | 59 NORAFIDAH BINTI OTHMAN |
| 20 HONG LI LI | 60 NORAZIZAH BINTI ABD HAMID |
| 21 JULIANA BINTI ADAM | 61 NOR FARAHIDA BINTI IDRIS |
| 22 JUNE LIM LI MIN | 62 NORBAIZURA BINTI HAYAT |
| 23 KO LI LIAN | 63 NORSHAFINI BINTI MD. SAIDAN |
| 24 KOIK SEOW LIN | 64 NUR HAFIZA BINTI ABD RAHMAN |
| 25 LAI CHEE CHUN | 65 NURHANAN BINTI MOHD GHAZALI |
| 26 LAI YEN WEI | 66 ONG HUEI SEI |
| 27 LAI YEOW KIT | 67 PAH SOCK HON |
| 28 LAU HUN SIONG | 68 PHOO CHUN FEI |
| 29 LAU KHEH PIN | 69 POY KHEE HUI |
| 30 LAU SIEW CHUAN | 70 RINI HAFZAH BINTI ABDUL RAHIM |
| 31 LAW BOON KIAT | 71 RIZWAN NOR ZAMAN BIN RAZALI |
| 32 LAW MENG YIN | 72 RODHIAH BINTI MD SHARIF |
| 33 LEE CHEE KHENG | 73 ROSLAWATI BINTI MAHMOOD |
| 34 LEE HOOI HWANG | 74 SAADAH BINTI ABDUL RAUB |
| 35 LEE MEI CHOO | 75 SHAI POH YING |
| 36 LEE SAN LING | 76 SITI SARAH BINTI MAIDIN |
| 37 LEE SAN SAN | 77 SOONG CHING YEN |
| 38 LEE YEE FHONG | 78 SYARTINA BINTI ISMAIL |
| 39 LEE YIN PING | 79 TAI POOI WAN |
| 40 LEE YOKE PENG | 80 TAN CHEANG SIANG |
| 41 LEE ZI SENG | 81 TAN CHEE BOON |
| 42 LIM PEI TING | 82 TAN CHEW JOO |
| 43 LIM POAY KEONG | 83 TAN CHOW PIN |
| 44 LIM SIN SIEW @ LIM SIN SEAW | 84 TAN KEE HONG |
| 45 LIM SOIK CHING | 85 TANG KWAN CHAW |
| 46 LIM WEI JIUN | 86 TEE YOU SUAN |
| 47 LONG MEI YIN | 87 TIEW SU THING |
| 48 LOOI GAN TENG | 88 WAN MOHD ASYFAN BIN WAN ABDILLAH |
| 49 MOHD AIDIL BIN KAUZI | 89 WONG AI CHAN |
| 50 MOHD FADZLI BIN HANAPIAH | 90 YEE LANG ENG |

91 YEE WEN CHOON
92 YEOH LI-CHENG
93 YEOH WAI LING

94 YEOW SIAN LI
95 YEP HUI YENG
96 ZUREEN BINTI MOKHTAR

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
FACULTY OF ELECTRICAL ENGINEERING

IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA INDUSTRI)
DENGAN KEPUJIAN
BACHELOR OF ELECTRICAL ENGINEERING (INDUSTRIAL POWER)
WITH HONOURS

- | | |
|-------------------------------------|---------------------------------------|
| 1 AMUTHAN A/LARJUNAN | 21 MOHD NAJID BIN MAHMOOD @ MAHMUD |
| 2 CHAI CHI KHONG | 22 MUHAMMAD FAIZ BIN AHMAD |
| 3 CHAKRAVARTHY GOPALA KRISHNA | 23 NOOR FAEZAH BINTI HAMD I |
| 4 DEVIENIA LOUELLIS RAJIT | 24 NORDIANABINTIAHMAD |
| 5 ELMI SHAH BIN MOHD KHA FE | 25 NORFAZLIN BINTI MOHD TAIB |
| 6 EUGENE LEE | 26 PREMA/L SUGUMARAN |
| 7 FAZRI EFENDI BIN GHARI | 27 PUVANESVARAN A/L PERUMAL |
| 8 GAN CHUN HSIANG | 28 RAHIM BIN SELAMAT |
| 9 KHAIRUL EDZUAN ADHA BIN KAMARUDIN | 29 REBECCAA/P DORAISINGAM |
| 10 KONG MUN FUN | 30 SHALIZA BINTI KAMARUDIN |
| 11 LEE TAIN SANG | 31 SIEW WAI CHUN |
| 12 LIEW TYE LEONG | 32 SITI ROHAYAH BINTI MOHD TAHIR |
| 13 LIM HUEY KIAN | 33 SIVARAJ A/L PAN SHILWA |
| 14 MASYUMI BINTI HUSSAIN | 34 SURAIS RAO A/L RAMA RAO |
| 15 MAY FRANNY SEPIKIT | 35 TAMAIYANTHI A/P ARMIHAM @ ARUMUGAM |
| 16 MILLE YAP FU EE @ MILLY TOMPIO S | 36 THOMAS WEE HENG BOON |
| 17 MOHAMAD NAJIB BIN JASMANI | 37 UMAH DEVIA/P MUTHIAH |
| 18 MOHD FADZLY WAHID BIN MOHD ISHAK | 38 YAP SOON HAUR |
| 19 MOHD HAFIZ BIN ABDUL RAHMAN | 39 YONG CHIN CHOONG |
| 20 MOHD NAJIB BIN MOHD YUSOF | |

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER
FACULTY OF ELECTRONIC & COMPUTER ENGINEERING

IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
(ELEKTRONIK INDUSTRI) DENGAN KEPUJIAN
BACHELOR OF ELECTRONIC ENGINEERING
(INDUSTRIAL ELECTRONIC) WITH HONOURS

- | | |
|---|----------------------|
| 1 AHMAD NIZAM BIN MOHD JAHARI @ MOHD JOHARI | 4 ARFAH BINTI SAAID |
| 2 AIDAWATI BINTI ZAKARIA | 5 AZHARI BIN KELIWAN |
| 3 ANISAH BINTI HASAN BASRI | 6 EASWANDY SAIAN |

- | | |
|---|--|
| 7 EDWIN GUNALAN S/O KOVILPILLAI | 38 MOHD AZIZUL RAHMAN BIN AYUB |
| 8 ENGKU NOR ZATUN NAJHAH BINTI KU RASLI | 39 MOHD HAFIZY BIN AHMAD |
| 9 FADHLINASRI BIN YUSOPS | 40 MOHD HANIS BIN MOHD ADAM |
| 10 FELIX NORMAN ANAK LAZARUS GOH | 41 MOHD HATTA BIN HJ AWANG |
| 11 GUNAWATHY A/P MUTHUSAMY | 42 MOHD KAMIL BIN MOHD ZAHARI |
| 12 HA HEI KUI | 43 MOHD RIEZZUAN BIN ZAINALABIDIN |
| 13 HAFIZUL EFFENDI BIN MAHADI | 44 MOHD ZULKIFLIE ALI BIN MOHD GHAZALY |
| 14 HAIRI AZDY BIN AEZMAN@AZMAN | 45 MUHAMAD AZLAN BIN MOHAMAD SABDA |
| 15 HARRISON SENTU ANAK KELON | 46 MUHAMMAD HAFIF BIN ABDUL HAMID |
| 16 HASNIZAH BIN GENO | 47 MURUGAN @ GOBAL A/L JEEVAJOTHY |
| 17 HASNUN ANUAR BIN ASHARI @ SAARI | 48 MUZRI AFFANDI BIN JAMALUDDIN |
| 18 HAZIEZOL HELMI BIN MOHD YUSOF | 49 NORLIZAH BINTI MAT ISA |
| 19 HAZLI RAFIS BIN ABDUL RAHIM | 50 NUR ADYANI BINTI MOHD AFFENDI |
| 20 IRNIWATY BINTI IBRAHIM | 51 NURAFNI BINTI IBRAHIM |
| 21 ISHAM SAHAR BIN ISMAIL | 52 OOI SEE KOK |
| 22 JEPRIN BIN IPUNG | 53 PRABAGARAN A/L PERIASAMY |
| 23 JUNAZMAN BIN MAT JUSOH | 54 ROSIELAWATI BINTI ZAWAWI |
| 24 KASTURI A/P PERMALU | 55 ROSLINAMARIA BINTI HJ ABDUL RAHMAN |
| 25 KENIDY BIN MALOI | 56 RUSMEYATI BINTI NORDIN |
| 26 KHAIRUDDIN BIN OSMAN | 57 SAIDATUL ASYIKIN BINTI MOHAMED |
| 27 KHAIRUL NIZAM BIN OTHMAN | 58 SITI HALMA BINTI JOHARI |
| 28 LO JIN KUI | 59 SYUHAIIRA BINTI KHALID |
| 29 LOKMAN BIN HUSSIN | 60 TAN LEE CHIN |
| 30 MARTIN FRANK ANAK GOEL | 61 TOH YEN YIN |
| 31 MARZIAN HAIRANI BINTI MAT ISHAK | 62 UTHAYAKUMAR A/L MANIARAS |
| 32 MASNORA BINTI SEPIKUN | 63 VOON CHAI LI |
| 33 MAZRINA BINTI MASHOD | 64 WAN HASMA BINTI WAN ABDUL RAHMAN |
| 34 MOHAMAD ERWAN BIN MOHAMAD ARIF | 65 YUSRI ARDY BIN JALIL |
| 35 MOHAMAD HADZRY BIN OTHMAN | 66 ZAIMI BIN AHMAD |
| 36 MOHAMED REEMOS KHAN BIN FAJARUL RAHMAN | 67 ZALELA BINTI OTHMAN |
| 37 MOHD AZHAR BIN MOHD AZMI | |

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
FACULTY OF INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY

DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
DIPLOMA IN INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY

- | | |
|-----------------------------------|---------------------------------|
| 1 ADI ASHARIE BIN SANI | 5 AZIZI BIN MD AZIZ |
| 2 AHMAD HAMIDON BIN ALI | 6 AZRIL NAIM BIN AHMAD ZAINUDIN |
| 3 AHMAD IRWAN BIN ABD. GHANI | 7 FARIZ IZWAN BIN MUSTAPPA |
| 4 AKHMAL KHALIS BINTI MOHAMAD ISA | 8 HAMIDAH BINTI ABDUL GHANI |

- | | |
|------------------------------------|--|
| 9 HISHAMUDDIN BIN ALIAS | 29 NORSHAZANA BINTI ABD HALIM |
| 10 IDURA BINTI ZULKEFLI | 30 NORZAHIRAH BINTI ZAINUDDIN |
| 11 IDWAN ADLY BIN ALIAS | 31 NUR FADHILLAH BINTI SALEH |
| 12 KHAIRUL FIRDAUS BIN MOHD WALI | 32 NUR RIZAEZUANTY BINTI SABERI |
| 13 MAHATHIR MOHAMAD BIN LAZIM | 33 NURDHIYA SAFRA BINTI AB. WAHID |
| 14 MAIMUNAH BINTI ISMAIL | 34 NURIZAN BINTI ABDUL KHALID |
| 15 MD YUNUS BIN MOHD SAPI | 35 NURUL HUDA BINTI MOHD ZAKI |
| 16 MOHAMED MUAZ BIN MOHAMED | 36 SALWA BINTI ISHAK |
| 17 MOHAN RAJ A/L SUBRAMANIAM | 37 SAPRI BIN SAHABUDIN |
| 18 MOHD FADZIL BIN MD ARAP | 38 SH MOHD HAZIMAN BIN SHARIF ALI |
| 19 MOHD FAIRUZ BIN HAMZAH | 39 SHAHRULAZHAN BIN ISHAK |
| 20 MOHD FARID BIN AB AZIZ | 40 SITIAMINAH BINTI MASOR |
| 21 MOHD NABIL BIN CHE ZAM FADZILAH | 41 SITI AZURA BINTI MD SAID |
| 22 MOHD SAHARRUDIN BIN CHE LAH | 42 SITI SHARIFAH BINTI MEERASA |
| 23 MOHD SHAARI BIN LEMAN | 43 SURIANI BINTI MOHAMED |
| 24 MUHAMMAD ANAS BIN ABDUL RAHMAN | 44 SURIATI BINTI ABD RAHIM |
| 25 MUHAMMAD HAZMIN BIN WARDI | 45 SYAMIM BIN SHAHABUDDIN |
| 26 MUHAMMAD YAAKUB BIN RAMLI | 46 WAN NUR NADIAH BINTI W ISMAIL @ WMANSOR |
| 27 NOORAZREEN BINTI NORDIN | 47 WAN SAZLI NASARUDDIN BIN SAIFUDIN |
| 28 NOR HAINIZA BINTI MAT HUSIN | 48 ZIRAWINA BINTI ZAKARIA |



FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

FACULTY OF ELECTRICAL ENGINEERING

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK

DIPLOMA IN ELECTRICAL ENGINEERING

- | | |
|---------------------------------|---------------------------------------|
| 1 ABDUL HALIM BIN ALI HASAN | 16 MIMIT SURIYARTI BINTI BUYUNG PUTIH |
| 2 AMALIA AIDA BINTI ABD HALIM | 17 MOHAMAD FILDAUS BIN SAMAT |
| 3 AMAR AMJAD BIN MOHD BASARI | 18 MOHAMAD RIZAL BIN SAHADAN |
| 4 AMIR RABANI BIN ABD HALIM | 19 MOHAMED MUNIR BIN ABDULAZIZ |
| 5 AZRIN BIN SUBARI | 20 MOHAMMAD HAFIZ BIN MESRANDI |
| 6 GHAFAR BIN JENAL | 21 MOHD FADZIL BIN KASIM |
| 7 HAMIDAH BINTI ABDUL WAHID | 22 MOHD FAKRI BIN SIDEK |
| 8 HAZRUL HISHAM BIN HAMID | 23 MOHD FAZMIN BIN MOHD NOR |
| 9 HISHAM BIN MAT ZAID | 24 MOHD HAFIZ BIN AHMAD |
| 10 IMRAN BIN SUTAN CHAIRUL | 25 MOHD HAFIZ BIN MD AKHIR |
| 11 JESSE YONG LICHUN | 26 MOHD HAZNIL BIN MOHD NOR |
| 12 KALAI SELVI A/P ARAMUGAM | 27 MOHD KHAIRUDDIN BIN HAMDAN |
| 13 KHAIRULADLAN BIN ABDUL MANAN | 28 MOHD ZAKI BIN YUSOF @ SALLEH |
| 14 KOH CHING CHEI | 29 MOHD ZULKARNAIN BIN RASIMON |
| 15 LIM SOON FOOI | 30 MOHD ZULQAYYUM BIN HUSSIM @ HUSSIN |

31 MUGUNTHAN A/L SELVAKUMARAN
32 MUHAMAD HAFIS BIN DIN
33 MUSA BIN YUSUP LADA
34 NAZRULHISHAM BIN ZAIDAN
35 NOOR RAFIZA BINTI RAMLI
36 NORHASLIN BINTI MOHD NORDIN
37 NUR AYUNI BINTI ZULKARNAIN
38 NUR AZLINA BINTI JAMIL
39 NUR FAEZAH BINTI FAUZI
40 NUR ZAHIRAH BINTI MOHD ALI

41 NUR ZAWANI BINTI SAHARUDDIN
42 ROHAIZAD BIN ZOOKLEPLI
43 SAIFUL BAHRI BIN SA'IM
44 SHARIN BIN AB GHANI
45 TAN SHAO PIN
46 TEE KOK SEN
47 WEE SUI INN
48 ZULHAIZAM BIN MAT KAMARI
49 ZULKIFLI BIN MUSA

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER
FACULTY OF ELECTRONIC & COMPUTER ENGINEERING

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
DIPLOMA IN ELECTRONIC ENGINEERING

1 ABDULAZIM BIN ABDUL MANAF
2 AFDZAL BIN NAZRI
3 AHAMED FAYEEZ BIN TUANI IBRAHIM
4 AHMAD SUZAIRY BIN SUKOR
5 AZIZUN AFDZAL BIN MOHD SAHET
6 EMMIL BIN RAZMIE LEONG
7 FARIDAH AZURA BINTI YAHAYA
8 FARRAHUDA BINTI SALMI
9 HAIRILAMRI BIN JAAFAR
10 IDDAALDARINA BINTI ALBAR
11 KHAIRUL FIRDAUS BIN KUSHIAR
12 KHOO BOO HOCK
13 LEKHASHNEE A/P MUNIANDY
14 MASLIANA BINTI MASRAN
15 MOHAMMED FAUZI BIN AB RAHIM
16 MOHD ANUAR BIN MOKHTAR
17 MOHD FAIROUS BIN IDRIS
18 MOHD FAIZ HAFIZI BIN ABD AZIZ
19 MOHD FAZUEE BIN CHE WAHAB
20 MOHD HANAFAE BIN MOHD SANI
21 MOHD HUSNI BIN ZAKARIA
22 MOHD MAULIDI ZAKI BIN HAMDAN
23 MOHD NASHRIQ BIN ZULKEPLI
24 MUHAMMAD AZRIL BIN MOHD YUSOF

25 MUHAMMAD SYAFIQ BIN MUSTAPHA
26 NADIAH BINTI MOHD NASIR
27 NOOR AZALINA BINTI ABDUL RAZAK
28 NOOR BADARIAH BINTI ASAN
29 NUR FAIRUZ BINTI MOHAMED YUSOF
30 NUR SHAKIRA BINTI JAAFAR
31 NUR SYAHIRAN BIN NORDIN
32 NURULAIN BINTI ABDULLAH
33 PAARY RAJAN A/L GUNAPATHY
34 PHANG JOON SHIN
35 RAFIDAH BINTI MOHAMAD NOOR
36 RAMLI BIN YUSOF
37 RATNAANDARIENA BINTI HASSAN
38 SARAVANA KUMAR A/L SOORINARAYANAN
39 SHAHID BIN MOHD AB. RAHMAN
40 SHANTINI A/P GHANASAN
41 SITI HADRINA BINTI SHEIKH HUSSAIN
42 SONIA CHEE SWEE LAN
43 SUHAIMI BIN AZIZ
44 SUHANA BINTI ARIS
45 SYAMSINAR BINTI WAHED
46 THANALETCHUMI A/P MOHAN
47 YUSUF BIN AHMAD
48 ZURIATI BINTI MOHD KHAIRUDDIN

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
FACULTY OF MECHANICAL ENGINEERING

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL
DIPLOMA IN MECHANICAL ENGINEERING

- | | |
|-------------------------------------|---------------------------------------|
| 1 ABDUL RAZAK BIN NAINA MOHAMED | 21 MOHD HAIRUL ANUAR BIN JASMI |
| 2 ABDULLAH MUTTAQIN BIN ADAM SHUKRI | 22 MOHD HALIMEE BIN MIDON |
| 3 ANBALAGAN A/L MUNUSAMY | 23 MOHD HANIF BIN ALI |
| 4 GANESH KUMAR A/L KRISHNAN | 24 MOHD KAMARUL NIZAM BIN ABDUL HAMID |
| 5 HANIS BINTI HASNUL | 25 MOHD NIZAR BIN MANSHOR |
| 6 HAZILA BINTI NAYAN | 26 MOHD RIDZUAN BIN ABDUL RAHMAN |
| 7 ISWAHYUDI BIN ALWAN | 27 MOHD. HAZWAN BIN HASAN |
| 8 JEEVAGAN A/L DAVID DHARMADAS | 28 MUHAMAD JAMAL BIN MOHD SHARIF |
| 9 KHAIRUL NIZAM BIN KHALID | 29 MUHAMAD SALIHIN BIN YAAKUB |
| 10 KUM KIN CHUNG | 30 MUHAMMAD HAFIDZ BIN IBRAHIM |
| 11 MARZIA MUHAMAD | 31 NAZUAN IZHAN BIN ABD. RAZAK |
| 12 MASHASLIZA BINTI ISMAIL | 32 NOR FAIZAH BINTI HAMINUDIN |
| 13 MASIHAH BINTI ABD. HALIM | 33 NURULASYIQIN BINTI ZAINAL |
| 14 MOGANAGANES A/L SUNDARAM MURGAN | 34 ONG HWEI BING |
| 15 MOHAMAD NIZAM BIN HASHIM | 35 PAIRUS BINTI FATHAZI |
| 16 MOHAMAD SOHAIFOL BIN SOID | 36 SABAR ANDRI BIN JOHARI |
| 17 MOHAMMAD AZRUL BIN ABDULLAH | 37 SAJARATUL ARIFFIN BIN RAHMAT |
| 18 MOHD AZIZUL BIN ZULKIFLI | 38 SALMAH BINTI ZAINUDIN |
| 19 MOHD FAIZ BIN MUDA | 39 YONG MAHMUD ISKANDAR BIN AB WAHAB |
| 20 MOHD FAIZAL BIN MOHD FIRDAUS | |

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN
FACULTY OF MANUFACTURING ENGINEERING

DIPLOMA KEJURUTERAAN PEMBUATAN
DIPLOMA IN MANUFACTURING ENGINEERING

- | | |
|------------------------------------|-----------------------------------|
| 1 ABD SHUKUR BIN AHMED ABIDIN | 10 CHARON A/L RONG |
| 2 ABDUL AZIZ BIN MOHD KARI | 11 EMADELLA BINTI RIFAI |
| 3 ABU MUSAASHA'ARI BIN MOHD SARIF | 12 EMASUSILA BINTI MISMAN |
| 4 AHMAD ANWAR BIN HAMDAN | 13 FATHUL HAKIM BIN HJ. ISMAIL |
| 5 AHMAD FAISAL BIN MOHD NASER | 14 JAMRI BIN ARAIS |
| 6 AHMAD HISHAM BIN IHZANULLAH KHAN | 15 KOH LAY MING |
| 7 ALIF AMRI BIN ISMAIL | 16 MOHAMAD SHAHWAL BIN HAMIDON |
| 8 ASYURA BINTI AMINORDIN | 17 MOHD AMIRUDDIN BIN ABDUL RAHIM |
| 9 AZAM AZRIN BIN CHE RAHIM | 18 MOHD AZALI HIDZIR BIN MUSTAPHA |

- | | |
|--|-------------------------------------|
| 19 MOHD AZARUDIN BIN MD ESA | 34 NOR ZIANA BINTI HAMDZAH |
| 20 MOHD AZWAN BIN MOHAMMAD | 35 RAIHANA BINTI RAMLE |
| 21 MOHD FAIRUZ BIN MOHD KHALIL | 36 RAZLAN BIN MAT RANI |
| 22 MOHD FAIZAL BIN OMAR | 37 ROHANI BINTI OSMAN |
| 23 MOHD HANIF BIN ABDUL WAHID | 38 SABRI BIN YUSOF |
| 24 MOHD KHUSYAIRI AZWAN BIN MOHD SHAFIEE | 39 SHADIDUN BHAHAR BIN AHMAD NAZORA |
| 25 MOHD NAZIM BIN SULAIMAN | 40 SHAHRIZAL BIN MOHAMMAD |
| 26 MOHD SAHLAN BIN ISMAIL | 41 SITI AINI BINTI SATUAN |
| 27 MOHD SAIFULLIZAM BIN RAMLI | 42 SUHAIZAN BIN RAEZE |
| 28 MOHD SHAHRIR BIN MAT YUSOFF | 43 WAN MOHD SAZALI BIN WAN MUDA |
| 29 MUHAMMAD AL-KHATHHAB BIN HALIMAZIZI | 44 WAN MUSALLAH BIN WAN ISMAIL |
| 30 MUHAMMAD FADHIL BIN HAMDAN | 45 WONG CHEE HENG |
| 31 NANHTAA/L MUNIANDY | 46 ZAMRI BIN AHMAD |
| 32 NOORALIAH BINTI NORDIN | 47 ZARITH SUFIAH BINTI MUSTAFA |
| 33 NOORAINI BINTI IBRAHIM | |

PENERIMA HADIAH AKADEMIK PELAJAR CEMERLANG
RECIPIENTS ACADEMIC EXCELLENCE AWARDS

ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA
ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA

HAZLI RAFIS BIN ABDUL RAHIM
JUNE LIM LI MIN

HADIAH CANSELOR
CHANCELLOR AWARD

EUGENE LEE
RAHIM BIN SELAMAT

HADIAH REKTOR
RECTOR AWARD

YONG MAHMOD ISKANDAR BIN AB WAHAB
KOH LAY MING
LIEW TYE LEONG
IMRAN BIN SUTAN CHAIRUL
VOON CHAI LI
KHOO BOO HOCK
YAP CHEE SUNG
LEE SAN SAN
NG GIM HEE
HAMIDAH BINTI ABDUL GHANI